AKHBAR : THE NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : PRIME NEWS

'Doctors in terror wars do so on their own'

ISLAMIC STATE WAR:

Up to police to act against medical staff with terror links, says Health Ministry official

ELVINA FERNANDEZ
KUALA LUMPUR
elvna@nst.com.my

IT is a police matter. A senior Health Ministry official said yesterday any of its doctors who were taking part in terror-related activities outside the country did so in their personal capacity.

Thus, he said, it was up to police to take action against these doctors.

"It is beyond the ministry's scope to take action and we will leave this matter to security agencies," the official told the *New Straits Times*.

He said the ministry would also leave it to police if any of its doctors or other medical staff had spouses who were involved in so-called jihadist activities.

The official was commenting on the case of a 26-year-old doctor, who claimed to be Malaysian, in war-torn Syria, where she met and entered into an arranged marriage with a Moroccan fighter in the terrorist Islamic State (IS).

The woman, known only as Shams, tweets frequently under the moniker @BirdofJannah, and posts updates on Facebook and Tumblr under an account called "Diary of a Muhajirah".

Most of the posts are arguments to justify the IS war against the Western world, but a fair number shows a human side to her daily life as the wife of a militant fighter.

Meanwhile, Malaysian Medical Association president Dr H. Krishna Kumar yesterday condemned any form of involvement by doctors in violent activities.

"Doctors are encouraged to provide medical relief to all those suffering, as most victims are innocent civilians.

"But, doctors should not take sides in a conflict and only provide help to those in need."

He recommended that doctors who wanted to help in such areas do so through recognised organisations, like Mercy Malaysia, Doctors Without Borders and the Red Crescent Society.

"We hope all parties in the conflict in the Middle East and elsewhere in the world refrain from attacking non-military sites, especially hospitals, schools and orphanages."

He condemned violence against medical staff, who were there to help the injured and maimed.

"We hope all warring parties listen to our (doctors') voice, as we represent the majority who are peaceful and hope that all conflicts be resolved on the negotiation table rather than the battlefield."

➜ *See also* **Page 22**

AKHBAR : THE NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2 (sambungan)
RUANGAN : PRIME NEWS

Turkish soldiers walking to their positions *in Mursitpinar near Suruc at the* ***Turkey-Syria border*** *as* ***fighting intensified*** *between Syrian Kurds and Islamic State militants yesterday.* **AP pic**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGARA

CMHC bendung kes bunuh diri

KUALA LUMPUR 5 Okt.- Kerajaan digesa mewujudkan lebih banyak Pusat Komuniti Kesihatan Mental (CMHC) dalam usaha membendung peningkatan kadar kes bunuh diri dalam negara yang dikhuatiri boleh mengundang pelbagai masalah sosial yang akhirnya merosakkan pemikiran dan cara hidup generasi akan datang.

Ahli Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental Kementerian Kesihatan, Tan Sri Lee Lam Thye (**gambar**) berkata, kerajaan dan organisasi kesihatan menyedari kepentingan mengekang peningkatan penyakit sosial tersebut dan menumpukan perhatian kepada krisis yang mengerikan serta sering diketepikan itu.

Menurutnya, kerajaan harus mempertimbangkan cadangan menyediakan lebih banyak peruntukan kewangan kepada Kementerian Kesihatan dalam Bajet 2015 untuk menubuhkan lebih banyak pusat Komuniti Kesihatan Mental.

Tambahnya, langkah itu akan dapat menjalankan program-program kemasyarakatan dan menangani isu gangguan mental yang semakin meningkat di negara ini.

"Penubuhan pusat itu adalah salah satu pendekatan terbaik untuk membantu menangani stigma masyarakat, mewujudkan kesedaran mengenai kesihatan mental dan memperkasakan pesakit dan keluarga mereka.

"Pusat-pusat seperti ini perlu diwujudkan di setiap negeri dalam memberi kaunseling dan pelbagai jenis bantuan kepada mereka yang memerlukannya terutamanya yang mempunyai risiko untuk membunuh diri," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Katanya, kaji selidik Kementerian Kesihatan melalui Kajian Morbiditi Kebangsaan pada 2011 membuktikan 1.7 peratus golongan dewasa mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri, 0.9 peratus merancang untuk membunuh diri dan 0.5 peratus mencuba untuk membunuh diri.

AKHBAR : KOSMO !
MUKA SURAT : 48
RUANGAN : DUNIA

Orang ramai dilarang bersalaman di masjid selepas menunaikan solat sunat hari raya

Ebola hantui Aidiladha di Sierra Leone

FREETOWN – Jangan solat terlalu rapat antara satu sama lain, jaga kebersihan dan apa jua yang anda lakukan, jangan bersalam dengan imam.

Itu antara pesanan kepada beribu-ribu orang Islam di Sierra Leone yang membanjiri masjid, stadium dan padang bola sepak di negara itu untuk menunaikan solat sunat Aidiladha kelmarin.

Rata-rata sambutan hari raya korban di negara itu dihantui ketakutan wabak demam Ebola.

Khutbah hari raya turut menyentuh epidemik itu yang melanda Barat Afrika dan menjangkiti lebih 7,400 orang serta membunuh separuh daripada mereka setakat ini.

Sierra Leone yang mencatat lebih 600 kematian akibat Ebola tahun ini merupakan antara tiga negara paling teruk terjejas akibat virus maut itu, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di Stadium Negara di ibu kota Sierra Leone, di sini, beberapa kumpulan belia memantau orang ramai yang tiba untuk menunaikan solat sunat hari raya korban.

Para jemaah diminta membasuh tangan mereka menggunakan air dicampur klorin yang diisi ke dalam sejumlah baldi.

Dalam khutbahnya, Imam Sheikh al-Hassan berkata, beliau mendoakan Sierra Leone aman dan makmur pada waktu sukar ini. Sheikh al-Hassan turut menasihati jemaah supaya mengelak daripada bersentuhan untuk menghalang jangkitan Ebola.

"Kita mesti melindungi diri kita di samping keluarga kita dan orang lain," katanya.

"Dengarlah nasihat doktor. Jangan menghadiri upacara pengebumian atau menyentuh mayat, jangan berjabat tangan, jangan mengunjungi tempat yang penuh sesak dan teruslah berdoa untuk negara ini," tambahnya.

Salah seorang penduduk berkata, mereka diminta untuk tidak bersalam dengan imam kerana ia berisiko menyebarkan jangkitan Ebola.

"Ini tidak bermakna kamu tidak menghormati saya tetapi langkah ini bagi melindungi kita semua," kata Sheikh al-Hassan.

Sambutan hari raya korban di beberapa kawasan yang dilanda wabak Ebola di utara dan timur negara itu turut hambar. Kawasan tersebut menyaksikan ratusan ribu penduduk dikuarantin untuk mengekang penularan Ebola.

"Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya apabila orang ramai mengadakan jamuan dan perarakan, kali ini semua orang makan di rumah," kata Alpha Sillah yang menetap di bandar Makeni, utara negara itu.

Di sebuah bandar lain, Kailahun upacara korban turut tidak diadakan bagi mengekang jangkitan virus maut itu.

Situasi itu diburukkan lagi oleh keputusan kerajaan Arab Saudi untuk melarang warga Sierra Leone, Guinea dan Liberia daripada menunaikan ibadat haji di Mekah pada tahun ini.

"Kami sedih dengan keputusan tersebut tetapi kami memahami situasi semasa," kata Menteri Kebajikan Masyarakat Sierra Leone, Moijueh Kaikai. – AFP

AFP

ORANG RAMAI berjalan di hadapan kain rentang yang memberi amaran tentang bahaya virus Ebola di ibu negara Sierra Leone, Freetown kelmarin.

GAMBAR yang dirakam pada Jumaat lalu menunjukkan seorang wanita yang disyaki menghidap Ebola menangis di luar Hospital Daerah Pelabuhan Loko di bandar Pelabuhan Loko, Sierra Leone.

AKHBAR : KOSMO !
MUKA SURAT : 50
RUANGAN : SMS KOSMO

MENGAPA pesakit yang berurusan dengan doktor di Hospital Taiping mengambil masa begitu lama sekali? Sejak pukul 9 pagi hingga 1 tengah hari pun masih belum selesai. •PELANGGAN

BERHARAP jururawat di Klinik Dabong, Kuala Krai memanggil pesakit mengikut nombor giliran, bukan memilih kenalan sendiri. •JDT

TERIMA kasih kepada kakitangan di wad 9 dan 10 Hospital Kulim kerana menawarkan perkhidmatan yang cemerlang dan ramah mesra ketika isteri mendapat rawatan bersalin.
•ZAMRI ZAINA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : SMS

HARAP Kementerian Kesihatan siasat di Econ Medicare Taman Perling, Johor Bahru pengurus jururawat tidak tahu nama ubat mahu bagi pada pesakit. ›› **ESWARI**
[IMB54942]